



09 JUN, 2021

## Peniaga kecewa tidak boleh rentas negeri ambil stok buah durian

Sinar Harian, Malaysia

### Peniaga kecewa tidak boleh rentas negeri ambil stok buah durian

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh dilihat memberi kesan kepada kumpulan peniaga kecil termasuk penjual buah durian apabila mereka gagal mendapatkan kelulusan merentas negeri bagi mendapatkan bekalan Raja Buah tersebut.

Walaupun diberi kebenaran membuka gerai, namun kebanyakan mereka gagal mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merentas negeri, sekali gus menyebabkan peniaga bermusim ini terbantu untuk menjalankan perniagaan.

Lebih parah apabila golongan pekebun durian juga terpaksa berhadapan situasi sukar kerana jualan berkurangan dan terpaksa menyepi

kerugian kerana buah tidak laku.

Bagi seorang peniaga, Mohd Faisal Mohd Said, 32, pelaksanaan kawalan menyeluruh PKP 3.0 menyebabkan dia gagal untuk menambah pendapatan sampingan dengan menjual durian di Alam Impian, Shah Alam, Selangor.

Katanya, perniagaan yang dilakukan bersama adiknya, Syafiq Mohd Said gagal dimulakan pada masa terdekat ini ekoran kegagalan mendapat kelulusan MITI untuk merentas negeri.

“Apabila PKP 3.0 secara menyeluruh ini dilaksanakan, saya dan adik tidak dapat berniaga durian kerana tidak boleh merentas negeri untuk mengambil stok durian di Johor.”

“Saya sudah mohon surat dengan MITI tetapi gagal. Mungkin Julai nanti jika PKP



Hasrat Mohd Faisal (kiri) untuk berniaga durian tahun ini terbantu seketika selepas tidak mendapat kebenaran merentas negeri untuk mengambil durian di Johor.

penuh sudah dilonggarkan, kami ingin ke Johor mengambil stok buah durian di sana dan mungkin akan mula berniaga pada bulan tersebut,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan peniaga durian di Pulau

Pinang mengalami kerugian ekoran lambakan durian yang gagal dijual disebabkan pelaksanaan *total lockdown*.

Ekoran itu, ramai kalangan peniaga durian merungut dan meluahkan rasa kebimbangan

mereka di media sosial, sekali gus menarik perhatian media melaporkan isu tersebut.

Namun di sebalik isu itu, terdapat juga komen netizen yang menyatakan harga yang dijual di negeri tersebut adalah sangat mahal.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Rizky Adri Zainin Tawa, 28, berkata, pelaksanaan PKP 3.0 secara penuh pada mulanya agak membimbangkan kerana gagal mendapatkan surat kelulusan pergerakan daripada MITI.

Namun menurutnya, dia bernasib baik apabila berjaya mendapat surat kelulusan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk bergerak ke Johor bagi mendapatkan buah durian daripada pekebun.



09 JUN, 2021

## Peniaga kecewa tidak boleh rentas negeri ambil stok buah durian

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh dilihat memberi kesan kepada kumpulan peniaga kecil termasuk penjual buah durian apabila mereka gagal mendapatkan kelulusan merentas negeri bagi mendapatkan bekalan Raja Buah tersebut. Walaupun diberi kebenaran membuka gerai, namun kebanyakan mereka gagal mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merentas negeri, sekali gus menyebabkan peniaga bermusim ini terbantut untuk menjalankan perniagaan.